

19 MAR 2003

Malaysia-Hubungan/I

PROSPEK LEBIH BAIK DALAM MENINGKATKAN HUBUNGAN MALAYSIA-BRAZIL

Oleh: Mokhtar Hussain

SAO PAULO, 19 MAR (Bernama) -- Walaupun jarak kedua-dua negara agak jauh, Malaysia dan Brazil bersedia meningkatkan lagi hubungan dua hala termasuk menggalakkan lebih banyak kunjung-mengunjung di kalangan rakyatnya.

Sambil menyifatkan lawatannya ke Brazil sebagai "berhasil dan berfaedah", Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat potensi besar bagi kedua-dua negara untuk meningkatkan jumlah dagangan.

"Walaupun ia jauh, jaraknya agak jauh dari Malaysia, mungkin ada yang menarik minat pelancong Malaysia untuk melawat Brazil. Saya berada di Amazon dan saya dapati Amazon merupakan sebuah tempat yang amat menarik.

"Di situlah rakyat Malaysia mendapatkan pokok getah pertama mereka. Adalah menarik untuk pergi dan melihatnya... pokok getah asli tumbuh dalam hutan di Brazil," katanya kepada wartawan Malaysia selepas melawat Embraer dan Avibras, pembuat pesawat dan pengeluar sistem senjata udara ke bumi dan permukaan ke permukaan masing-masing di San Jose dos Campos dekat sini.

Semasa kunjungannya, Dr Mahathir diberi taklimat oleh presiden kedua-dua syarikat itu, Mauricio Botelho dan Joao Verdi Carvalho Leite.

Sebelum tiba di Brasilia bagi lawatan rasmi empat hari, Dr Mahathir yang sedang bercuti selama dua bulan, telah menghabiskan masa beberapa hari di Bandaraya Peranginan Manaus di tengah Amazon.

Getah dari hutan Amazon telah diseludup ke England pada 1876 sebelum ia dibawa ke Asia Tenggara di awal kurun ke-20.

Menurut Dr Mahathir, beliau telah mengadakan perbincangan berharga dengan Presiden Brazil Luiz Enacio Lula da Silva di Brasilia dan kedua-dua pemimpin berkongsi pandangan yang sama mengenai pelbagai perkara yang memberi kesan kepada Malaysia dan Brazil.

"Tetapi kita perlu membeli lebih banyak barang (dari Brazil), bukan hanya peralatan ketenteraan tetapi barang lain juga," katanya.

Ahli perniagaan Brazil perlu diberitahu mengenai peluang pelaburan di Malaysia, katanya dan Malaysia juga boleh menimbangkan menghantar satu rombongan perdagangan ke sini untuk meninjau bidang lain bagi perdagangan.

Tentera Malaysia telah membeli sistem roket lancar berganda ASTROS II atau Artillery Saturation Rocket System dari Avibras pada Oktober tahun lepas.

Ditanya sama ada Malaysia merancang untuk membeli lebih banyak sistem senjata tentera dari Brazil, Dr Mahathir menjawab bukan baginya untuk membuat keputusan mengenai perkara itu.

Perdana Menteri juga diminta mengulas kata dua 48 jam yang diberikan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush kepada Presiden Iraq Saddam Hussein untuk meninggalkan Iraq atau hadapi tindakan ketenteraan.

Dr Mahathir berkata masih belum terlambat bagi negara lain untuk cuba memujuk Amerika supaya tidak mengambil tindakan ketenteraan terhadap Iraq.

Katanya walaupun peperangan seolah seperti tidak dapat dielakkan, masih ada peluang bagi usaha di saat-saat akhir untuk mengelaknya dari berlaku.

"Presiden (Lula) Brazil telah menulis kepada (setiausaha agung PBB) Kofi Annan, meminta beliau mengadakan satu mesyuarat ketua-ketua kerajaan yang tidak diwakili dalam Majlis Keselamatan. Jika ia mendapat respons Kofi Annan, kita mungkin masih boleh melakukan sesuatu," katanya.

Selepas lawatan itu, Dr Mahathir terbang ke Rio de Janeiro sebelum berlepas pulang esok.

-- BERNAMA

MOK KHY RON